Dari kenyataan pengkaji terdahulu ini, nyatalah pandangan mereka berasaskan prinsip asas kepada pelakuan serangan dan bertahan yang berkesan bermula dari latihan kecergasan fizikal yang efektif dengan penumpuan semasa pecutan untuk membantu serangan dan mempunyai ketahanan kardiovaskular yang sangat tinggi semasa kembali bertahan.





(Tenga et al., 2010) melalui kajian beliau terhadap Liga Norway 2004 dari 163 daripada 182 (90%) pemain melakukan serangan dan bertahan. Daripada itu, 52% melakukan serangan dan berhasil menjaringkan gol manakala 38% kembali melakukan bertahan selepas melakukan serangan. Kejayaan pasukan yang melakukan serangan balas semasa pasukan yang lain tidak bertahan secara berpasukan (OR = 1.64; 95% *confidence interval*: 1.03 kepada 2.61; P = 0.038). Keupayaan pemain dalam melakukan serangan dan kembali bertahan adalah pemain yang memiliki daya tahan kardiovaskular yang sangat tinggi.

Kenyataan (Sarmiento et al., 2014) dalam kajian mereka terhadap corak permainan serangan balas pasukan bola sepak elit iaitu Manchester United, Barcelona dan Inter Milan menunjukkan bahawa terdapat pandangan yang berbeza dari jurulatih-jurulatih di kelab tersebut. Pengkaji menilai bahawa keupayaan pemain melakukan serangan balas dan kembali bertahan merupakan ciri-ciri pemain yang memiliki daya tahan kecergasan fizikal individu yang sangat tinggi.

Pengkaji telah mendapat pandangan dari jurulatih dalam kajian mereka bahawa pemain hendaklah bermain dengan corak '*counter*' iaitu bertentangan dengan taktikal pihak lawan. Ini kerana jika pasukan bermain secara 'sama' dengan pasukan lawan, tidak nampak perbezaan dari segi keupayaan pemain. Oleh itu perancangan latihan untuk perlawanan hendaklah ditingkatkan intensiti agar dapat mengimbangi taktikal pihak lawan.



Daripada pendapat jurulatih dalam kajian pengkaji terdahulu itu, pada pandangan pengkaji, pelaksanaan latihan yang berintensiti tinggi dapat membentuk kekuatan fizikal dan kadar kecergasan kardiovaskular mereka di tahap yang maksima. Keupayaan ketika melakukan serangan dan secara tiba-tiba pasukan lawan telah membuat serangan balas, reaksi pergerakan ini adalah ketangkasan iaitu tindakan dalam mengubah arah secara automatik dari serangan kepada bertahan dinamakan '*rapidly change of direction*'. Kelebihan ini akan menjadi '*turning point*' di mana pasukan sedang mendahului pihak lawan.

(Chaouachi et al., 2012) dalam kajian mereka telah menyatakan hasil dari analisa terhadap 23 pemain elit Liga Tunisia melalui ujian T mendapati terdapat signifikan di antara ujian T_{best} dan ujian T_{worst} di mana hasil gabungan variyen ($F = 4.65$, $p = 0.01$, $n^2 = 0.52$) ini menunjukkan hasil ujian T adalah munasabah semasa pemain melakukan mengubah arah secara mendadak untuk mendapatkan masa yang terbaik.

(Bradley et al., 2012) melalui hasil kajian mereka terhadap prestasi ketangkasan dengan menggunakan bateri ujian Balsom bahawa penyelidikan mereka terhadap 14 pemain elit divisyen satu B14 di tenggara Amerika Syarikat mendapati tiada signifikan yang jelas kerana faktor pertumbuhan dan elastik di kalangan pemain pada usia ini adalah amat tinggi dan kebolehan mereka adalah sama iaitu mencapai korelasi $F(1,13) = .21$, $P = .658$.



(Balsom, 1994) telah mencipta larian ketangkasan yang direkakan khas untuk pemain bola sepak iaitu *Balsom Agility Test* (BAT) atau *Balsom Run* (BR). Beliau mendakwa permainan bola sepak adalah permainan yang memerlukan ketangkasan yang melakukan larian pecutan berlain arah semasa untuk serangan mahu pun untuk bertahan. (Balsom, 1994) mengambil kira daya tahan kekuatan seseorang pemain, saiz dan berat pemain itu menjadi faktor semasa ujian larian ini. Melalui kajian dari pengkaji sendiri, pengkaji telah menetapkan seseorang pemain bola sepak itu sekiranya mereka mampu berlari di bawah masa 12 saat, maka pemain itu mempunyai daya kekuatan otot dan kawalan kardiovaskular yang tinggi. Kajian beliau bertujuan untuk mengesahkan bahawa ujian BAT yang diubah suai ini, sebagai yang boleh dipercayai dan sah ukurannya terhadap keupayaan melakukan pecutan yang berulang.



Kaedahnya adalah dengan menjadikan pemain bola sepak elit B18 ($n = 16$)



dari Kejayaan Inggeris direkrut untuk kajian ini. Subjek ($n = 6$) akan melengkapkan BAT dijalankan sebanyak dua kali, secara langsung dengan seminggu sekali, bagi menguji kebolehpercayaan dalam seminggu. Kesimpulannya BAT menunjukkan kesahan logik dan ekologi di perbandingan dengan ujian fisiologi lain.

(Lago-Peñas et al., 2014) telah menyatakan dalam kajian mereka berhubung perkaitan ketahanan kardiovaskular dengan ketangkasan. Melalui kajian mereka terhadap 150 subjek dari pemain remaja di Sepanyol, mendapati terdapat peningkatan VO_{2max} di kalangan pemain setelah diuji dengan menggunakan bateri ujian YYIR (Yo-yo Intermittent Run) manakala terdapat peningkatan terhadap prestasi ketangkasan selepas diuji dengan bateri ujian iaitu BAT.





(Noon et al., 2015) telah menyatakan hasil kajian mereka terhadap 14 subjek pemain B17 hingga B21 iaitu dari akademi kelab Liga Perdana Inggeris, terdapat peningkatan masa pecutan semasa melakukan ujian ketangkasan ini. Peningkatan ini didorong oleh faktor neuromaskular yang tinggi kerana tahap tumbesaran pemain pada usia ini mampu untuk mencapai keputusan yang lebih optimum. (Lockie dan Jalilvand, 2017) dalam kajian mereka terhadap 20 pemain wanita dari Liga Divisyen 1 Amerika Syarikat yang dikumpul dari setiap pasukan mendapati tidak terdapat signifikan dalam ujian *Arrowhead Agility Run* (AAR) kiri dan kanan.

(Al-Syurgawi, 2018) mendapati dari ujian ketangkasan BAT dan AAR melalui yang telah dilakukan olehnya, bahawa latihan pliometrik dapat memberi kesan positif terhadap ketangkasan dalam permainan bola sepak dan sukan-sukan yang memerlukan masa reaksi yang cepat. Ketangkasan juga dapat membina keadaan yang seimbang dari postur badan ketika melakukan sesuatu pergerakan.

Melalui kajian yang dinyatakan oleh (Miller et al., 2006) bahawa latihan pliometrik biasanya melibatkan pergerakan berhenti, pergerakan semasa hendak memulakan, dan di mana keadaan semasa hendak mengubah arah dengan cara masa reaksi yang secara tiba-tiba. Menurut (Sekaew et al., 2014) melalui kenyataan pengkaji terdahulu oleh (Craig, 2004; Miller et al., 2001; Parsons dan Jones, 1998; Yap dan Brown, 2000; Young et al., 2001) menyatakan juga pergerakan pelaksanaan ketangkasan ini adalah komponen yang dapat membantu dalam mengembangkan ketangkasan seseorang pemain bola sepak.



(Zulakbal et al., 2018) telah menyatakan latihan *Small Sided Games* (SSG) berupaya meningkatkan ketahanan kardiovaskular seseorang pemain. Hasilnya, mereka telah melakukan kajian terhadap 30 pemain universiti dengan mengukur tahap pencapaian kardiovaskular menggunakan bateri ujian YYIR. Sebagai maksud oleh pengkaji, pelakuan pergerakan seperti larian dan mengubah arah secara berulang, dapat memaksimumkan kadar daya tahan kardiovaskular pemain di dalam SSG.

Penyataan dari semua pengkaji terdahulu melihatkan mereka telah mengkaji secara khusus setiap jenis latihan kecergasan fizikal dan juga dapatan kajian mereka yang amat jelas. Walaupun ada di antara kajian mereka adalah secara umum tetapi dapatan mereka masih menjurus ke arah matlamat iaitu hasil yang positif dari setiap ujian yang dijalankan oleh mereka.

Oleh itu, kajian ini adalah bertujuan untuk mengukur sejauh mana tahap prestasi daya tahan kardiovaskular pemain Presiden Negeri Sembilan ini melalui latihan kecergasan fizikal yang spesifik iaitu latihan serangan-bertahan (BP-BPO) dan latihan ketangkasan dari serangan kepada bertahan dan dari bertahan berubah kepada serangan dapat memberi kesan kepada prestasi kardiovaskular dan ketangkasan. Kesan inilah yang sebenarnya dapat dilihat dari segi perwatakan pemain yang sentiasa yakin dan positif untuk terus memperlihatkan peningkatan prestasi mereka dari semasa ke semasa.

Sebagai adaptasi simulasi keadaan sebenar dalam latihan mahu pun perlawanan, aksi menyerang dan bertahan termasuklah mengubah haluan sudah pastinya berlaku pada setiap masa dan pada setiap keadaan di dalam pergerakan bermula dari tiupan wisel sehingga tiupan wisel penamat selama 90 permainan. Maka dengan itu, pemain haruslah bersedia dalam apa jua keadaan untuk membuat keputusan pada bila, ketika di mana dan apa yang sepatutnya pemain lakukan semasa latihan untuk diterjemahkan dalam perlawanan kelak.

Oleh yang demikian kajian ini lebih menumpukan kepada latihan yang spesifik iaitu menyerang dan bertahan bagi melihat ketahanan kardiovaskular serta ketangkasan. Hasil pencapaian prestasi VO_{2max} dalam pelakuan semasa intervensi dan ujian ini, akan dilihat secara global sama ada pencapaian pemain Presiden Negeri Sembilan ini telah hampir dan di dalam landasan yang tepat untuk mencapai atau menyamai par antarabangsa sebelum dan selepas ujian dijalankan.

Secara rasionalnya kajian yang dijalankan ini akan memberi kesan dan dapatan ini akan diterjemahkan sama ada terdapat peningkatan yang setara atau hampir dengan pencapaian par antarabangsa, sekaligus akan membuktikan kesan latihan serangan-bertahan dan ketangkasan adalah amat sesuai dalam membina daya tahan kardiovaskular untuk pemain bagi permainan bola sepak.



Justeru, jika hasil positif yang ditunjukkan oleh sampel dalam kajian ini melalui keberkesanan latihan serangan-bertahan ini iaitu untuk meningkatkan daya tahan kardiovaskular dan juga peningkatan prestasi dalam ketangkasan, maka pelaksanaan latihan serangan-bertahan dan latihan ketangkasan ini boleh diplotkan sebagai latihan berintensiti tinggi bagi meningkatkan daya tahan kardiovaskular secara praktikalnya kepada seluruh pemain bola sepak Negeri Sembilan khasnya dan boleh diaplikasikan kepada pasukan lain umumnya.

Peningkatan yang positif dari segi pencapaian ketahanan kardiovaskular dan kepantasan dalam ketangkasan menjadikan seseorang pemain itu lebih berdaya saing dan kompeten dengan saingan mereka dari pasukan lain.



1.2 Penyataan Masalah

Secara umumnya tahap kecergasan fizikal seseorang pemain bola sepak pada masa sekarang adalah amat sukar hendak diukur secara tepat. Ini disebabkan oleh perubahan taktikal dan corak permainan yang diterapkan oleh jurulatih. Dari pernyataan ini, (Almeida et al., 2012) menyatakan jurulatih yang kekurangan latar belakang saintifik menyebabkan kesan permainan yang diubah terhadap prestasi persembahan pemain amat sedikit menghairankan.

(William dan Hodges, 2005) terdapat teknologi yang semakin canggih seperti *Global Positioning System Tracker (GPS)*, *VO_{2max} Machine Test*, *Biomechanics Muscle Endurance Test* dan lain-lain lagi dalam mendorong peningkatan prestasi kecergasan fizikal tetapi masih terdapat pelbagai faktor lain yang mendorong kepada pencapaian prestasi yang tidak konsisten.

Ada di antara mereka mencapai prestasi yang optimum ketika bersama pasukan lain tetapi bila bersama dengan pasukan yang baru ditandatangani, prestasi mereka seakan-akan tidak konsisten. Kajian-kajian yang dilakukan oleh penyelidik sebelum ini (Craig, 2004; Miller et al., 2001; Parsons dan Jones, 1998; Yap dan Brown, 2000; Young et al., 2001) menunjukkan hampir kesemuanya mereka menguji tahap kecergasan pemain atau atlit sukan sama ada mampu dan berjaya meningkatkan prestasi atau sebaliknya.

Penyataan ini menjuruskan permasalahan yang sebenar berlaku terhadap pencapaian prestasi kardiovaskular dan juga ketangkasan di kalangan pemain pasukan Presiden Negeri Sembilan sejak 8 tahun kebelakangan ini.

Menurut (Carling et al., 2012) prestasi daya tahan kardiovaskular juga berkait rapat terhadap keupayaan fizikal untuk mencapai prestasi yang optimum sewaktu melakukan aktiviti. (Chase, 2015) dalam kajian beliau, perkara dan juga aktiviti bagi meningkatkan keupayaan fizikal dalam kadar tempoh yang singkat mahu pun yang panjang, boleh mendatangkan kecederaan. Kecederaan ini juga akan mengganggu keupayaan fizikal untuk mencapai prestasi ke tahap yang optimum.

(Dellal et al., 2013) menyatakan bahawa beberapa penyiasatan telah dilakukan dengan menganalisis terhadap profil fizikal aktiviti dan kadar kecederaan pemain bola sepak profesional semasa perlawanan yang sengit. Kajian-kajian tersebut tidak mendedahkan sebarang perbezaan sama ada dalam jarak yang diliputi pada pelbagai kelajuan dan dalam risiko kecederaan di seluruh perlawanan berturut-turut dimainkan dalam tempoh masa yang singkat atau pun tidak.

(Christou et al., 2006) menyatakan di dalam kajian mereka iaitu terdapat faktor lain yang menyumbang kepada permasalahan prestasi kecergasan fizikal yang tidak konsisten adalah melalui corak latihan. Perkara ini berlaku disebabkan oleh filosofi ketua jurulatih yang bertukar pada setiap musim menjadikan perubahan corak permainan dan penukaran pemain di dalam pasukan.

(Gioftsidou et al., 2011) mendapati dalam kajian mereka yang dijalankan terhadap 26 pemain B17 yang bebas dari sebarang kecederaan selama setahun dalam Liga Remaja Kejuaraan Greece dan kesan sesi latihan bola sepak terhadap kelesuan menunjukkan latihan dalam durasi 90 minit tidak menyebabkan otot menjadi lesu.

Sokongan kenyataan ini melalui kajian lampau oleh (Greig dan Walker-Johnson, 2007) yang menyatakan tiada signifikan kelesuan yang ditunjukkan selepas sesi latihan kardiovaskular selama 90 minit larian *treadmill*.

Ini kerana faktor persekitaran dan permukaan yang tiada perbezaan termasuklah cuaca memainkan peranan penting dalam mengawal psikologigunaan dalam pelakuan subjek. Dalam kajian (Stone dan Oliver, 2009) menyatakan tidak terdapat kesan signifikan latihan spesifik bola sepak iaitu latihan pecutan selama 45 minit boleh menjadi lesu tetapi terdapat perbezaan yang signifikan semasa latihan kemahiran menggelecek dan rembatan termasuklah juga perbezaan signifikan ketika masa reaksi untuk mengubah arah untuk latihan menggelecek dan rembatan. Hal ini disebabkan oleh kelajuan menggelecek menurun kerana pelakuan COD dan daya tahan kardiovaskular yang tidak konsisten.

Hal lain yang boleh mengganggu kepada penurunan prestasi pemain adalah boleh disebabkan oleh tiada kawalan spesifik bebanan latihan yang dilakukan. Dalam kajian yang telah dilakukan oleh (Impellizzeri et al., 2020) menyatakan bahawa kawalan latihan bebanan amat penting dalam merancang perjalanan latihan di samping meningkatkan prestasi pemain dan dalam masa yang sama dapat meminimalkan risiko kecederaan.

Secara subjektifnya, pengukuran tahap bebanan latihan adalah bergantung kepada objektif latihan dan cara hendak mengolah latihan serta memanipulasi latihan tersebut dengan betul untuk kemajuan prestasi pemain.

Pandangan dari pengkaji (Carling et al., 2012) menyatakan bahawa lebih baik menumpukan latihan mengikut periodisasi dengan julat masa latihan berbanding dalam mencari penyelesaian masalah yang kompleks dan sebaliknya memungkinkan ia merangkumi risiko dan ketidakpastian yang terdapat dalam proses latihan dan juga pencegahan kecederaan.

Faktor lain yang boleh menyebabkan prestasi tidak konsisten adalah disebabkan rawatan pemulihan fizikal. Dalam kajian lampau (Nedelec et al., 2012) telah mengkaji mengenai rawatan pemulihan terhadap pemain bola sepak semasa Piala Dunia FIFA 2002 dengan 2010. Dalam kajian (Nedelec et al., 2012) juga, terdapat faktor lain yang mempengaruhi kepada rawatan pemulihan yang berbeza terhadap setiap pemain bola sepak iaitu dehidrasi, kecederaan otot, kelesuan mental dan kekurangan sumber glikogen dalam otot. Justeru, faktor permasalahan ini diambil kira semasa intervensi latihan dalam kajian yang dijalankan ini agar tidak mengganggu hasil keputusan ujian.

Oleh yang demikian, dari segi penaakulan awal terhadap kajian ini, pelaksanaan intervensi latihan diharapkan mampu dalam menampakkan perubahan dari segi tahap kepekaan pemain semasa latihan, pergerakan pemain semasa aktiviti dijalankan lebih bersedia dan sentiasa *alert* dengan setiap arahan dan demonstrasi yang ditunjukkan oleh jurulatih.



Konsikuensinya, latihan serangan-bertahan ini diharapkan mampu mempengaruhi corak latihan dari sebelumnya dan ujian yang akan dijalankan ini amatlah bersesuaian bagi meningkatkan prestasi pemain-pemain Presiden Negeri Sembilan.

Hasil dari dapatan kajian ini akan menjadi panduan dan secara formaliti keputusannya, ia mampu menjadi pemangkin dan sebagai penanda aras kepada pasukan Belia Negeri Sembilan khususnya dan juga pasukan Perdana Negeri Sembilan amnya.

Natijahnya, kejayaan sesebuah pasukan itu adalah dari keringat pemain sendiri yang sanggup mengorbankan segalanya termasuklah keluarga demi rezeki di arena bola sepak. Latihan berterusan dan kajian sains sukan yang ekstrim dapat dijadikan sebagai penyumbang kepada peningkatan prestasi pemain dari segi konsultansi, pandangan, *supplements* dan sebagainya. Budaya kini pemain bola sepak haruslah berubah mengikut tren corak permainan semasa kerana seseorang pemain bola sepak itu akan menjadi ikon semasa di dalam pasukan sewaktu bermain dan juga di khalayak sebagai personaliti yang dikenali ramai.



1.3 Objektif Kajian

Naratifnya, (Hua, 2016) setiap kajian boleh ditakrifkan sebagai mencari fakta atau kebenaran mengenai sesuatu perkara atau menyelesaikan sesuatu masalah dengan menguji hipotesis atau objektif. Apabila sesuatu perkara yang boleh menjejaskan aktiviti manusia, perkara sebegini hanya boleh diselesaikan melalui penyelidikan yang mewujudkan pernyataan hipotesis yang berkaitan. Walau bagaimana pun, terdapat penyelidikan yang tidak menggunakan hipotesis tetapi hanya melibatkan dalam merungkai segala permasalahan.

Objektif umum kajian ini adalah untuk menilai sejauh mana kesan dari latihan serangan-bertahan (BP-BPO) yang telah dijalankan dapat meningkatkan daya tahan kardiovaskular dan juga kepantasan ketangkasan dalam mengubah arah (COD) melalui ujian kardiovaskular dan ujian ketangkasan. Objektif khusus kajian ini adalah:

1. Untuk mengenalpasti kesan latihan AHI (Aerobic High Intensity) dan latihan AMI (Aerobic Medium Intensity) terhadap pencapaian daya tahan kardiovaskular pemain kumpulan rawatan A dan kumpulan rawatan B Piala Presiden Negeri Sembilan.
2. Untuk mengenalpasti kesan latihan AHI (Aerobic High Intensity) dengan Latihan Rutin (LR) terhadap pencapaian dayatahan kardiovaskular pemain kumpulan rawatan A Piala Presiden Negeri Sembilan.

3. Untuk mengenalpasti kesan latihan AMI (Aerobic Medium Intensity) dengan Latihan Rutin (LR) terhadap pencapaian dayatahan kardiovaskular pemain kumpulan rawatan B Piala Presiden Negeri Sembilan.

4. Untuk mengenalpasti kesan latihan SEP (Speed Endurance Production) dan latihan SEM (Speed Endurance Maintenance) terhadap pencapaian ketangkasan pemain kumpulan rawatan A dan kumpulan rawatan B Piala Presiden Negeri Sembilan.

5. Untuk mengenalpasti kesan latihan SEP (Speed Endurance Production) dengan Latihan Rutin (LR) terhadap pencapaian ketangkasan pemain kumpulan rawatan A Piala Presiden Negeri Sembilan.

6. Untuk mengenalpasti kesan latihan SEM (Speed Endurance Maintenance) dengan Latihan Rutin (LR) terhadap pencapaian ketangkasan pemain kumpulan rawatan B Piala Presiden Negeri Sembilan.

Gambaran objektif yang jelas akan memberikan kesan yang komprehensif terhadap kajian yang dijalankan ini. Dalam masa yang sama juga, persoalan yang boleh dibandingbezakan dengan intervensi yang dilaksanakan ini, dapat merungkai segala keraguan yang ditimbulkan, dan dengan itu data dapatan akan dijadikan '*value*' terhadap keberkesanan kajian ini.

1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan maklumat dari pernyataan masalah serta objektif yang dikenalpasti, memungkinkan pelbagai andaian dan telahan mengenai persoalan yang berkait rapat dengan objektif kajian yang dijalankan. Maka dengan ini, terdapat beberapa persoalan yang boleh dikaitkan untuk dikemukakan di dalam kajian ini seperti:

1. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan daya tahan kardiovaskular melalui latihan serangan-bertahan (BP-BPO) antara kumpulan rawatan A (AHI) dengan kumpulan rawatan B(AMI) pemain Presiden Negeri Sembilan.
2. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan daya tahan kardiovaskular melalui latihan serangan-bertahan (BP-BPO) antara kumpulan rawatan A (AHI) dengan kumpulan kawalan pemain Presiden Negeri Sembilan.
3. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan daya tahan kardiovaskular melalui latihan serangan-bertahan (BP-BPO) antara kumpulan rawatan B (AMI) dengan kumpulan kawalan pemain Presiden Negeri Sembilan.
4. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan ketangkasan melalui latihan serangan-bertahan (BP-BPO) antara kumpulan rawatan A (SEP) dengan kumpulan rawatan B (SEM) pemain Presiden Negeri Sembilan.



5. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan ketangkasan melalui latihan serangan-bertahan (BP-BPO) antara kumpulan rawatan A (SEP) dengan kumpulan kawalan pemain Presiden Negeri Sembilan.

6. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan ketangkasan melalui latihan serangan-bertahan (BP-BPO) antara kumpulan rawatan B (SEM) dengan kumpulan kawalan pemain Presiden Negeri Sembilan.

Secara emperikalnya, penghasilan hujah yang mempersoalkan adakah terdapat perbezaan atau pun tidak adalah bergantung daripada dapatan data sampel. Keberkesanan latihan intervensi selama enam minggu dapat menunjukkan peningkatan prestasi secara minimum atau pun secara maksimum terhadap daya tahan kardiovaskular serta ketangkasan pemain Presiden Negeri Sembilan.

Perbahasan secara mendalam terhadap keputusan hasil kajian ini, dihuraikan dengan lebih lanjut pada Bab 4. Keperincian hujah dalam menjawab setiap persoalan ini, menjurus kepada hasil yang optimum dari pelaksanaan intervensi latihan ini. Kesan intervensi latihan ini memberi gambaran yang jelas wujudnya sama ada perbezaan ketara atau pun tidak.





1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini dapat memberikan input dalam menentukan pemain itu berada pada prestasi yang konsisten setelah melalui latihan intensif kecergasan fizikal (BP- BPO) dan latihan ketangkasan COD sebelum dan selepas menjalani ujian. Oleh yang demikian kepentingan kajian ini juga telah dapat menentukan bagi:

- a. Mengetahui keberkesanan latihan kecergasan fizikal serangan- bertahan (BP- BPO) dan latihan ketangkasan COD dapat memberi kesan terhadap prestasi kardiovaskular.
- b. Memberikan maklumat kepada pemain bola sepak Negeri Sembilan sejauh manakah tahap prestasi kecergasan mereka sepanjang program latihan intensif ini dapat meningkatkan daya tahan kardiovaskular mereka dalam setiap perlawanan.
- c. Dijadikan panduan bagi jurulatih-jurulatih untuk merancang program latihan yang bersesuaian mengikut tahap kecergasan pemain dari segi posisi tanggungjawab bermain.
- d. Memberi pengetahuan dan kemahiran kepada pemain agar bersedia dengan pelbagai bentuk ujian kecergasan bagi menguji tahap kecergasan seseorang pemain tersebut.





e. Memberikan kesedaran kepada para pemain supaya mereka akan meningkatkan tahap kecergasan mereka dalam pengawalan kardiovaskular, penggunaan tenaga dan keupayaan untuk berfikir di luar kotak jika sesuatu keadaan yang terdesak.

f. Mengadaptasikan latihan ini untuk diterjemahkan pada perlawanan yang sebenar agar pemain mendapat gambaran yang lebih jelas terhadap kesan latihan kecergasan fizikal yang dilaksanakan.

Maklumat, data, kaedah dan pelaksanaan dapat memberi peluang dan ruang dalam meningkatkan lagi segala keperluan dan juga kepentingan sesebuah kajian. Dengan adanya objektif dan penyelesaian masalah, kepentingan kajian dapat membentuk sebuah gubahan ilmu yang boleh dijadikan asas kepada pentadbiran sesebuah kajian itu dengan lebih murni dan bersifat abstrak.

Kepentingan kajian ini dapat menggambarkan nilai kesan yang positif dari pelaksanaan intervensi agar menjadi dorongan kepada pemain dalam berusaha untuk mencapai matlamat mereka sebagai seorang pemain bola sepak yang mempunyai keupayaan kecergasan fizikal yang terbaik.





1.6 Limitasi Kajian

Dalam kajian ini terdapat kekangan yang boleh dikira sebagai nisbah bagi pelaksanaan kajian yang masih tidak konsisten tetapi kebijaksanaan dalam mengatasi segala limitasi ini akan menjadikan nilai hasil kajian akan lebih sempurna. Percaturan dalam meminimakan segala limitasi yang mungkin terdapat semasa melaksanakan kajian adalah amat penting agar kajian menjadi lebih tersusun dengan rapi. Antara limitasinya adalah:

a. Seluruh pemain Presiden Negeri Sembilan berbeza keupayaan fizikal dan tahap kecergasan mereka.



b. Terdapat pemain yang masih dalam pemulihan dari kecederaan dan tidak dapat melakukan pelaksanaan kajian ini.

c. Ada pemain yang ditugaskan bersama skuad Perdana Negeri Sembilan.

d. Ada pemain yang telah digugurkan daripada pasukan semasa pendaftaran pemain di awal liga dan pertengahan liga berlangsung.

e. Ada pemain baru yang telah didaftarkan dalam pasukan semasa "*Mid Window Transfer*" terpaksa bergelut untuk menyesuaikan dengan corak latihan pasukan.

f. Pandemik Covid-19 telah memberi impak yang negatif di mana limitasi pergerakan subjek yang dikumpulkan rata-rata menetap di luar Negeri Sembilan.





Secara rumusannya, limitasi kepada kajian ini adalah bersifat *non-rigid*. Pengkaji harus bijak dalam merancang, mengubah, memperhalusi segala kelompongan yang ada agar ia dapat diisi dengan alternatif yang lebih tersusun. Walaupun isu kesihatan dunia iaitu seperti Covid-19 menjadi kekangan, tetapi perancangan yang teratur mampu dapat menguraikan segala kekangan yang dinyatakan.

1.7 Definisi Operasional Kajian

(Lobiondo dan Judith, 2018) menyatakan iaitu sesuatu definisi operasional merupakan paksi penunjuk yang lengkap tentang apa yang hendak diamati dan cara mengukur suatu variabel atau mengolah konsep dalam penelitian sekaligus membantu untuk mengklasifikasikan sesuatu ke dalam kategori khusus dengan suatu variabel.

Variabel ini dijangka berubah akibat manipulasi percubaan variabel atau variabel bebas. Ia adalah kesan yang diandaikan. Manakala variabel bersandar variabel yang stabil dan tidak terjejas oleh variabel lain yang anda cuba ukur. Ia merujuk kepada keadaan percubaan yang dimanipulasi secara sistematik oleh penyiasat. Ia adalah punca yang diandaikan. Berikut adalah senarai bagi setiap variabel yang digunakan di dalam kajian ini:

1. Pelaksanaan latihan dari prinsip asas bola sepak moden iaitu *4 mains moment in football* iaitu *ball possession* (BP), *ball possession opponent* (BPO), *transition ball possession to ball possession opponent* (BP-BPO) dan *transition ball possession opponent to ball possession* (BPO-BP) di dalam intervensi selama enam minggu.



(Cross, 2013). Latihan yang dijalankan adalah dengan latihan SSG 1v1 dan 2v2.

2. Latihan *Aerobic High Intensity* (AHI) melalui latihan 1v1 dan *Aerobic Medium Intensity* (AMI) 2v2 adalah latihan yang berdurasi dan berintensiti bagi digunakan untuk meningkatkan daya tahan kardiovaskular semasa intervensi latihan. (Iaia et al., 2009)

3. Latihan *Speed Endurance Production* (SEP) sewaktu latihan 1v1 dan *Speed Endurance Maintenance* (SEM) melalui latihan 2v2 merupakan latihan untuk meningkatkan pergerakan mengubah arah COD yang berasaskan ketangkasan dalam durasi yang singkat. (Impellizzeri et al., 2006)

05-4506832 4. Ujian *Multi Shuttle Run Test* (MSRT) (Leger dan Lambert, 1982) ptbupsi

5. MSRT juga adalah ujian untuk mempertimbangkan kesahihan kriteria keberkesanan dengan membandingkan pengambilan oksigen maksima yang diramalkan VO_{2max} dan jarak perjalanan dengan pengambilan oksigen puncak VO_{2max} diukur menggunakan larian ulang alik 20m. (Goosey dan Tolfrey, 2008)

6. Ujian MSRT adalah untuk mengesahkan larian 20 meter bertujuan mengukur pencapaian VO_{2max} dewasa dan wanita, secara individu atau dalam kumpulan. (Nassis et al., 2009).

7. Intervensi ujian ketangkasan Balsom adalah untuk mengetahui sejauh mana reaksi pergerakan pecutan, pertukaran haluan pecutan, tukaran haluan yang berbeza

dan pecutan semula untuk tamat. Balsom (1994)

8. Latihan kecergasan fizikal untuk bola sepak adalah terdiri dari fasa kitaran makro, kitaran mikro, fasa persediaan semasa pembentukan pasukan, fasa persediaan untuk permulaan latihan di awal musim, fasa persediaan sebelum pertandingan, fasa pemulihan semasa pertandingan dan fasa akhir musim. Jovanovic (2011)

1.8 Rumusan

Sebagai kesimpulannya bahawa, kajian ini akan menjadi pemangkin kepada pembaharuan sistem latihan yang berkesan bagi meningkatkan prestasi permainan pemain Presiden Negeri Sembilan khususnya dalam peningkatan daya tahan kardiovaskular dan juga ketangkasan dari serangan kepada bertahan dan dari bertahan kepada serangan. Sekaligus, ia dapat membantu mengubah corak permainan pasukan sejajar dengan peredaran tren bola sepak moden pada masa kini.

Penerapan sains sukan dan kemahiran sukan khususnya dalam sukan bola sepak yang juga merupakan sukan berpasukan perlu dititikberatkan agar kecergasan fizikal yang optimum dan pengekal prestasi selama 90 minit permainan sentiasa berada pada tahap yang terbaik.

Pendedahan dalam aspek penumpuan taktikal mahu pun fizikal sangat perlu untuk mengimbangi keupayaan pemain iaitu sentiasa dalam keadaan siaga, mempersiapkan diri dengan daya tahan kardiovaskular serta pergerakan tangkas untuk

melakukan aktiviti berintensiti tinggi semasa permainan.

Di samping itu juga peranan pentadbir pasukan negeri hendaklah lebih dalam berusaha sedaya upaya bagi menggiatkan lagi program pembangunan mencungkil bakat-bakat muda demi masa depan bola sepak negeri sekaligus menjadikan mereka sebagai putik baru untuk pasukan.

Tidak mustahil suatu hari nanti ‘ubi muda’ pasukan Negeri Sembilan ini yang memiliki segala ramuan dari segi keupayaan daya tahan kardiovaskular yang cukup tinggi, ketangkasan, mempunyai kemahiran membuat keputusan serta berkemahiran dalam corak permainan bola sepak moden masa kini, nescaya sudah pasti mereka akan menjadi pasaran atau prospek yang cerah pada masa hadapan.

Demi kelangsungan bagi mencapai prestasi yang sentiasa berada dalam keadaan terbaik, pemain hendaklah berusaha menonjolkan kemampuan dan keupayaan sebenar mereka agar kualiti kecergasan fizikal yang dimiliki tidak luput dan tidak berlumut untuk dikeringatkan kepada pasukan Negeri Sembilan khususnya dan kepada pasukan lain amnya.